

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Sabtu, 16 Julai 2016

M/S : 13

UTUSAN MALAYSIA SABTU 16 JULAI 2016

APA BERLAKU .com 13

GOLONGAN belia mengambil peluang menyertai program #MalaysiaNgaji bagi mengimarhkan bulan Ramadan.



#MalaysiaNgaji

kumpul 300 belia

BAGAIKAN fenomena baharu, program #MalaysiaNgaji yang diadakan kali kedua untuk membina peribadi dan akhlak mulia masyarakat melalui amalan membaca al-Quran telah menarik bukan sekadar membaca tetapi turut memahami maksudnya atau tadabur al-Quran. Walaupun kali kedua diadakan ia mendapat sambutan luar biasa dan di luar jangkaan.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Nafisah Ahmad berkata, sasaran program ini kepada golongan muda seperti penjawat awam dan swasta, mahasiswa universiti serta sekolah.

"Alhamdulillah saya rasa sambutan kali ini, sangat diluar dugaan, kita jangkakan dalam 1,000 sahaja tetapi tidak mencukupi, kita dapat lihat ramai penjawat awam turut serta dalam program ini. "Saya kira, perkara ini merupakan satu momentum yang besar, dan apa boleh saya katakan umat Islam di Malaysia yang mengikuti program ini betul-betul berinteraksi dengan al-Quran," katanya kepada .com.

Program #MalaysiaNgaji yang diadakan selama sehari pada 26 Jun lalu bermula pukul 12 hingga 2.30 petang itu dijalankan serentak



Alhamdulillah saya rasa sambutan kali ini, sangat di luar dugaan, kita jangkakan dalam 1,000 orang sahaja tetapi tidak mencukupi, kita dapat lihat ramai penjawat awam turut serta dalam program ini.

di seluruh Malaysia turut mendapat penyertaan daripada rakyat Malaysia di luar negara seperti United Kingdom, Australia, Mesir, Turki, Amerika Syarikat (AS), Indonesia, Brunei, Singapura dan Arab Saudi.

"Menariknya kali ini, program sejam bersama Al-Quran ini turut mendapat sokongan dari negara jiran, iaitu Indonesia melalui Lembaga Tadabbur Al-Quran yang menggerakkan #IndonesiaNgaji sempena #MalaysiaNgaji.

"Program ini merupakan kerjasama Kumpulan Media Karangraf, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(Jakim), Perbadanan Perpustakaan semua negeri juga sokongan padu saluran Astro Oasis yang membawakan program Sejam Bersama Al-Quran.

Kesemua peserta perlu membaca juzuk yang ditetapkan secara beramai-ramai sehingga selesai.

Selain untuk memberkati bulan Ramadan yang mulia, sasaran pihaknya adalah untuk mengumpul satu juta orang yang menyertai #MalaysiaNgaji tersebut.

Perpustakaan negara mempunyai 1,500 perpustakaan desa dan 400 buah di daerah di seluruh negara.

-ZAKKINA